

## **PENERIMAAN KEPAKARAN (KHIBRAH) SEBAGAI ELEMEN SIGNIFIKAN/BEHENA DALAM UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM: SATU KONSEP UMUM**

**WAN ABDUL FATTAH BIN WAN ISMAIL, LUKMAN ABDUL MUTALIB,  
AHMAD SYUKRAN BAHARUDDIN, HASNIZAM HASHIM, NIK SALIDA  
SUHAILA NIK SALEH & NORMA JUSOF.**

### **ABSTRAK**

Keadilan dalam menjatuhkan hukuman merupakan asas yang paling utama dalam sistem perundangan Islam. Terdapat banyak nas sama ada dari al-Qur'an dan Hadith memuji Hakim yang adil dan dalam waktu yang sama diberikan peringatan tentang seksaan bagi hakim yang melakukan kezaliman dalam penghakiman mereka. Bagi mencapai matlamat tersebut, perundangan Islam sangat teliti dalam pemilihan hakim supaya keadilan terhadap semua pihak tanpa mengira pangkat, darjat dan keturunan agar ia dapat direalisasikan. Maka, setiap penghakiman yang dibuat perlulah berpaksikan kepada keterangan yang kukuh. Keputusan yang dibuat perlulah berasaskan kaedah-kaedah pembuktian yang diiktiraf oleh syarak. Selain daripada ikrar, syahadah dan sumpah, maka kepakaran (khibrah) merupakan satu kaedah signifikan dalam membantu mahkamah merungkaikan misteri dan persoalan di sebalik pendakwaan yang dibuat oleh pihak-pihak khususnya di alaf ini. Atas dasar itulah, kertas kerja ini akan merungkaikan beberapa perkara iaitu konsep keterangan, pakar (khabir), Muayanaah dan juga Ilmu al-Qadhi menurut fiqh dan perundangan Islam. Berdasarkan huraian ini, jelas menunjukkan bahawa Islam menerima semua bentuk kaedah pembuktian, asalkan ia bertujuan menzahirkan kebenaran, di samping ia mendapat pengiktirafan syarak dan dapat membantu hakim dalam membuat keputusan adil dan saksama.

*Kata Kunci: Pakar, Muayanaah, Ilmu Al-Qadhi, Khibrah & Forensik*

### **PENDAHULUAN**

Matlamat penurunan al-Quran melalui lisan Nabi Muhammad SAW adalah untuk menegakkan keadilan dan membela nasib pihak yang teraniaya. Isi kandungan al-Quran sarat dengan peraturan dan perundangan bagi memastikan keadilan terus ditegakkan sehinggalah ke hari kiamat. Maka kenyataan ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya' ayat 107 yang bermaksud: "*Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam*". Cara untuk memperoleh 'Rahmat' sepertimana dalam ayat ini antaranya dengan menegakkan keadilan sejagat tanpa mengira agama, darjat, keturunan dan seumpamanya.

Segala tindakan, tutur kata atau senyap diam Rasulullah SAW merupakan wahyu daripada Allah SWT secara langsung atau tidak langsung. Jika tidak mendapat wahyu, maka Nabi SAW akan membuat keputusan berdasarkan ijtihad sendiri. Ijtihad yang dibuat oleh Rasulullah SAW yang berkemungkinan tepat dan adakalanya sebaliknya serta terus akan ditegur dan diperbetulkan oleh Allah SWT melalui wahyu-wahyunya. Kenyataan ini pernah diakui sendiri oleh Baginda SAW seperti mana dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (1422h) yang bermaksud: "*Aku hanyalah manusia biasa dan kamu semua seringkali mengadukan perbalahan kepada ku, barang kali terdapat sebahagian di antara kamu lebih pandai membuat penghujahan berbanding dengan pihak lain. Maka akan aku buat keputusan berdasarkan apa yang telah ku dengar. Maka barang siapa yang telah ku putuskan berpihak kepadanya*

*sedangkan dia mengetahui itu adalah hak saudaranya, janganlah ia mengambilnya, kerana sesungguhnya ia menyamai aku tentukan baginya sepotong dari api neraka”.*

Berdasarkan mafhum hadith ini, jelas menunjukkan Rasulullah SAW sendiri akan melaksanakan penghakiman berdasarkan keterangan dan bukti-bukti yang kukuh sekiranya tidak mendapat wahyu secara khusus daripada Allah SWT. Tindakan Baginda SAW ini menjadi satu panduan yang sangat bernilai untuk pemimpin dan hakim selepas kewafatan Nabi SAW iaitu jangan sesekali menjatuhkan hukuman melainkan dengan keterangan yang kukuh. Di sini menunjukkan pembuktian dalam sesuatu pendakwaan adalah terbuka. Selagi mana pembuktian tersebut diiktiraf syarak dan seterusnya serta membantu mahkamah membuat keputusan yang adil. Di antara kaedah pembuktian yang diterima syarak adalah keterangan melalui pakar atau ‘*Khibrah*’. *Khibrah* sebenarnya agak luas dan kaedah pembuktian terbina melalui asas kepakaran ialah *Muayanaah*, *Ilmu al-Qadhi* dan juga Pendapat pakar ‘*Ra’yu al-Khabir*’

### **KONSEP KETERANGAN (BAYYINAH)**

Sebenarnya perselisihan di kalangan ulama terdahulu dan kontemporari berlaku sejak sekian lama. Namun jika diperhatikan secara terperinci, perselisihan berpunca dari kekerapan kaedah-kaedah pembuktian tertentu digunakan di zaman itu. Jika di zaman awal Islam Ikrar, *Syhadah* (kesaksian) dan Sumpah merupakan kaedah paling popular. Kenyataan ini tidak bermakna kaedah-kaedah pembuktian lain langsung tidak boleh diterima pakai sebagai kaedah pembuktian. Kerana setiap kaedah itu terdapat sandaran dari nas-nas syarak tersendiri. Maka definisi keterangan yang dikemukakan oleh ulama kontemporari seperti Ibn Taymiah, Ibn Farhun, Ibn Qayyim, Sadiq Hassan Khan dan lain-lain lagi lebih bersesuaian.

Ibn Taymiah (1998) dalam *Majmu’ah al-Fatawa* misalnya, menyatakan keterangan ialah: “Satu istilah yang menjelaskan tentang kebenaran”. Sadiq Hassan Khan (2001) mengatakan *bayinah* merupakan: Hujah yang nyata dan dinamakan *bayinah* kerana ia menjelaskan dan menzahirkan kebenaran”. Menurut Ibn Farhun (1995) keterangan ialah: “Satu istilah menjelaskan mengenai kebenaran untuk setiap sesuatu perkara”. (al-Bahi, 1965 & Yusri Syed Ahmad, 2000). Ibn Qayyim (2007) pula memberi definisi *bayinah* yang hampir sama dengan para ulama sebelum ini dan definisi inilah yang menjadi pilihan para ulama iaitu: “Satu istilah untuk menjelaskan dan menzahirkan sesuatu kebenaran”. Keterangan memberi maksud hujah, dalil dan bukti (Ibn Qayyim, 2002 & al-Nasyar, 2000). Kenyataan ini merujuk beberapa firman Allah SWT antaranya dalam surah Al-Ankabut ayat 29:

وَلَقَدْ تَرَكْنَا مِنْهَا آيَةً بَيِّنَةً لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

*Dan demi sesungguhnya, Kami telah (binasakan bandar itu dan telah) tinggalkan bekas-bekasnya sebagai satu tanda (yang mendatangkan iktibar) bagi orang-orang yang mahu memahaminya.*

Ayat ini menunjukkan perkataan *bayinah* tidak hanya merujuk kepada *iqrar*, *shahadah* atau *Ilmu al-Qadhi* semata-mata. Tidak dinafikan semangnya terdapat istilah *bayinah* di dalam al-Quran yang merujuk kepada *syhadah*, namun ia tidak mewakili untuk semua ayat bahkan pada ayat-ayat tertentu sahaja (Ibn Qayyim, 2002). Rasulullah SAW bersabda diantara dalam hadith Al-Bayhaqiy, (1999):

الْبَيِّنَةُ عَلَى الْمُدَّعِي، وَالْيَمِينُ عَلَى الْمُدَّعَى عَلَيْهِ

*Keterangan ke atas pihak yang mendakwa dan sumpah ke atas pihak yang didakwa.*

Hadis tersebut menunjukkan keterangan ialah sesuatu yang dapat mengesahkan dakwaannya terhadap sesuatu perkara dan *syahadah* merupakan salah satu daripadanya. Maka tidak syak lagi bahawa selain daripada *syahadah*, masih terdapat kaedah lain yang diterima dalam *bayinah*. Kadangkala dalam sesetengah keadaan kaedah keterangan lain seperti *khibrah*, dokumen, sumpah, *qarinah* dan lain-lain lagi lebih kuat daripada *syahadah*. Secara tidak langsung hadith ini tidak menafikan kebolehterimaan kaedah-kaedah pembuktian lain yang telah memenuhi syarat ketat seperti yang telah digariskan syarak (Ibn Qayyim, 2002). Mustafa Zarqa' juga menyangkal pandangan yang mengatakan keterangan hanya merujuk kepada *syahadah*, bahkan beliau berpendapat *syahadah* salah satu cabang keterangan (al-Zarqa', 1968).

Hasilnya keterangan pakar juga merupakan antara elemen penting dalam keterangan bagi membantu mahkamah membuat keputusan yang tepat. Keterangan pakar akan membantu mahkamah merungkaikan isu-isu yang luar daripada kemampuan dan bidang kepakaran mahkamah contohnya dalam bidang sains forensik. (W.A.Fattah W.I., A.Syukran B. & Aspalila A., 2021). Dalam membuat penghakiman, kadangkala hakim dapat membuat keputusan sendiri dengan hanya berdasarkan pengalaman, pengamatan atau peristiwa yang dilaluinya sendiri seperti *Ilmu al-Qadhi* dan *Muayanah*. Walaupun begitu, tidak semua perkara mampu dirungkaikan oleh hakim, sebaliknya ia perlu meminta bantuan mereka yang berkepakaran dalam bidang tertentu khususnya melibatkan sains dan teknologi seperti pakar forensik, pakar teknologi maklumat dan seumpamanya atau dipanggil juga sebagai '*Ra'yu al-Khabir*'. Tanpa bantuan mereka akan menyebabkan hakim tidak mampu membuat keputusan adil dan saksama.

## **ILMU AL-QADHI MENURUT PERUNDANGAN ISLAM**

Sebelum membincangkan *Ilmu al-Qadhi*, adalah lebih elok jika diberikan juga penumpuan terhadap definisi *al-Qadha'* supaya konsep *Ilmu al-Qadhi* dapat difahami secara lebih mendalam. Menurut Hanafi, *al-Qadha'* bermaksud: Menyelesaikan perbalahan dan menghentikan pertikaian menggunakan kaedah tertentu. Menurut Maliki pula, *al-Qadha'* bermaksud: Memaklumkan ketetapan undang-undang undang syarak mengenai kes-kes tertentu dan pemakluman tersebut mengikat. Al-Syafii berpendapat, *al-Qadha'* ialah: Merungkaikan perbalahan di antara dua pihak atau lebih berdasarkan hukum Allah SWT. Hasil perbincangan para ulama, boleh kita katakan *al-Qadha'*: "Penghakiman yang diputuskan terhadap pihak-pihak yang bertelingkah berdasarkan perundangan Islam dengan mematuhi prosedur-prosedur tertentu". (Zaydan, 1997)

Tidak dinafikan bahawa terhadap nas-nas syarie yang jelas dari al-Qur'an dan Hadith-Hadith mengenai pensyariatian kehakiman di antaranya: Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 58 mafhumnya:

*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.*

Sabda Rasulullah SAW maksudnya:

*Aku hanyalah manusia biasa dan kamu datang mengadu kepadaku. Barangkali di kalangan kamu lebih pandai berhujah sehinggakan aku putuskan sepertimana yang telah aku dengar. Maka sesiapa yang aku putuskan (ia memenangi tuntutan) dengan mengambil hak orang lain, maka janganlah sesekali ia mengambilnya. Ini kerana (jika ia mengambilnya) seolah-olah aku memberikannya potongan api neraka.* (al-Bukhari, 1422h)

Berdasarkan nas-nas di atas bahawa status *al-Qadha* ' dan kadi itu sendiri adalah sangat tinggi dalam Islam. Namun begitu, hakim tidak boleh menjatuhkan sebarang hukuman sesuka hati melainkan disokong keterangan yang kukuh. Jika tidak matlamat dari sistem kehakiman itu sendiri tidak akan tercapai. Antara kaedah pembuktian yang dibahaskan oleh para ulama, sejauh manakah penerimaan *Ilmu al-Qadhi* sebagai kaedah pembuktian. *Ilmu al-Qadhi* juga boleh dijadikan kaedah pembuktian, namun terdapat perbincangan para ulama mengenainya. *Ilmu al-Qadhi* merujuk kepada ilmu berkaitan dengan hukum syarak yang semestinya menjadi syarat kepada seseorang bergelar hakim. *Ilmu al-Qadhi* juga merujuk kepada maklumat yang diperoleh oleh hakim secara langsung dan terperinci sama ada ia benar-benar berada di tempat sewaktu kejadian berlaku atau membuat penyelidikan sendiri terhadap kes (*Muayanah*) dan mendedahkan hasil siasatnya itu. Namun *Muayanah* akan dibincangkan dalam bab berasingan. Manakala Dr Abdul Karim Zaydan (1997) telah membahagikan *Ilmu al-Qadhi* ini kepada dua bentuk iaitu:

- (a) *Ilmu al-Qadhi* yang diperoleh di dalam majlis kehakiman (berdasarkan).
- (b) *Ilmu al-Qadhi* yang diperoleh di luar majlis kehakiman.

### ***Ilmu Al-Qadhi Yang Diperoleh Di Dalam Majlis Kehakiman***

Sekiranya hakim mendapat maklumat ketika prosiding sedang berjalan, seperti pengakuan yang telah dibuat oleh tertuduh, atau berlaku keengganan bersumpah (*Nukul 'an al-Yamin*) setelah di arahkan Hakim, maka hakim boleh menjatuhkan hukuman berdasarkan ilmunya mengenai perkara tersebut. Dalam suasana tersebut Hakim tidak memerlukan keterangan tambahan untuk kukuhkan penghakimannya seperti mengemukakan dua saksi atau lebih. Kenyataan ini sepertimana yang dinyatakan oleh Imam Ahmad. (Zaydan, 1997).

- i. Bersepakat para ulama menyatakan seseorang hakim tidak seharusnya menjatuhkan hukum bersalahan dengan pengetahuan dan maklumat yang ada padanya sekalipun pihak lain mengemukakan keterangan. Sekiranya hakim mengetahui kes talak jelas berlaku di hadapannya, atau mengetahui pihak yang merosakkan sesuatu harta atau ketahui pihak yang melakukan pembunuhan, kemudian pihak-pihak terbabit mengemukakan keterangan berlawanan dengan apa yang diketahuinya, maka tidak seharusnya ia menerima keterangan tersebut. Jika ia mengetahui hal sebenar namun tetap menerima keterangan yang berlawanan itu, maka hakim telah menjatuhkan hukuman secara batil dan haram. Di saat itu, hakim hendaklah menarik diri dari menjadi hakim bagi kes tersebut dan tak sepatutnya mendengar kes tersebut sebaliknya ia menjadi saksi bagi menegakkan keadilan.
- ii. Ulama juga bersepakat keharusan beramal dengan *Ilmu al-Qadhi* dalam berkaitan dengan *al-Jarh wa al-Ta'dil*. Misalnya apabila hakim mengetahui status keadilan seseorang saksi sama ada adil atau sebaliknya, maka wajib hakim berhukum

dengan apa yang diketahuinya. Sekalipun terdapat pihak yang mempertikai status saksi tersebut. Melainkan pihak yang mempertikaikan status keadilan saksi itu berjaya mengemukakan bukti baru yang mana ia tidak diteliti sebelum ini oleh hakim. Selain itu, jika hakim telah mengetahui status ketidakadilan saksi, maka memadai dengan maklumat yang ada padanya. Hakim tidak perlu melayan mana-mana tuntutan yang menyatakan saksi tersebut seorang yang adil.

- iii. Ulama juga bersepakat bahawa hakim boleh menjatuhkan hukuman berdasar maklumat yang diperoleh semasa dalam majlis penghakiman. Misalnya pihak-pihak bergaduh dan berlaku pukul memukul dalam majlis penghakiman atau suami melafazkan cerai di hadapan hakim maka hakim boleh menjatuhkan berdasarkan *Ilmu al-Qadhi* iaitu apa yang dilihat dan didengarinya tanpa perlu melihat kepada keterangan yang lain.
- iv. Ulama bersepakat menjatuhkan hukum berdasarkan maklumat yang ada padanya, seperti hakim telah mendengar seseorang telah mewakafkan tanahnya, kemudiannya mendakwa bahawa tanah tersebut adalah hak miliknya. Maka dalam kes ini hakim boleh menjatuhkan hukuman berdasarkan

### ***Ilmu Al-Qadhi Yang Diperoleh Di Luar Majlis Kehakiman***

*Ilmu al-Qadhi* yang diperoleh di luar majlis kehakiman misalnya di tempat letak kenderaan, di jalan raya, di kampungnya dan sebagainya. Seperti Hakim mendengar seseorang melafazkan talak pada isterinya atau merosakkan harta benda orang lain atau mencederakan seseorang dan seumpamanya yang berlaku di hadapannya namun di luar majlis penghakiman. Dalam hal ini para ulama berselisih pendapat. Namun kebanyakan para ulama berpandangan, tidak seharusnya seseorang hakim menjatuhkan hukuman bagi kes-kes yang berlaku di luar mahkamah berdasarkan *Ilmu al-Qadhi*.

Ini kerana menjatuhkan hukuman berdasarkan *Ilmu al-Qadhi* akan banyak menimbulkan tohmahan dan membuka peluang bagi hakim yang zalim menjatuhkan hukuman sesuka hati. Selain itu firman Allah SWT dalam surah al-Nur ayat 4 juga jelas membuktikan Rasulullah SAW memerintahkan supaya hukuman sebanyak 80 sebatan terhadap pihak yang menuduh perbuatan zina yang dibuat tanpa dikemukakan empat saksi sekalipun Nabi SAW mengetahui kebenaran pihak yang menuduh. Tindakan Rasulullah SAW menunjukkan bahawa *Ilmu al-Qadhi* tidak boleh dijadikan kaedah pembuktian dalam kes ini. Selain itu juga hadith berkaitan tuntutan bertindih antara lelaki Hadhramiy dan Kindi yang mana Rasulullah SAW meminta dikemukakan dua saksi atau sumpah yang didakwa juga menunjukkan *Ilmu al-Qadhi* ditolak dalam situasi ini. (Muhammad al-Zuhailiy, 1994 & Zaydan, 1997)

### **MUAYANAH MENURUT PERUNDANGAN ISLAM**

*Muayanah* merupakan antara salah satu bentuk kepakaran dan ia lebih merujuk kepada kepakaran dan pengalaman yang terdapat pada hakim yang mengendalikan sesuatu kes. *Muayanah* istilah yang jarang didengari, namun ia juga merupakan kaedah pembuktian, bahkan ia digunakan secara meluas di Mahkamah sivil. Sesetengah penulis meletakkan *Muayanah* dalam tajuk *Ilmu Al-Qadhi* kerana pada anggapan mereka *Muayanah* adalah pecahan daripadanya. Sesetengah ulama tidak menganggap *Muayanah* hanyalah merupakan salah satu prosedur pendakwaan dan bukan kaedah pembuktian. (al-Zuhayli, Muhammad. 1994)

Sebelum kita lihat terlebih dahulu definisi *Muayanah*. Dari segi definisi, tidak terdapat nukilan daripada ulama terdahulu mengenai definisi *Muayanah*. Namun begitu Muhammad al-Zuhailiy (1994) menyatakan *Muayanah* boleh ditakrifkan sebagai: “Hakim melihat sendiri atau melalui pembantunya yang dipercayai mengenai subjek yang dipertikaikan di antara dua pihak bertujuan untuk mengetahui perkara yang sebenar di sebalik pertikaian tersebut - ketika prosiding di Mahkamah sedang berjalan -. Terdapat juga yang mentakrifkan *Muayanah* sebagai: “Pendedahan keadaan sesuatu isu atau seseorang dengan menggunakan penglihatan secara langsung atau analisa secara terus untuk dijadikan pembuktian” (Ahmad Nasya’at, 1972). Berdasarkan dua definisi di atas, asas paling utama dalam pelaksanaan *Muayanah* adalah dilaksanakan ketika prosiding sedang dan masih berjalan dan bukannya berlaku secara spontan atau berkebetulan seperti mana *Ilmu Al-Qadhi*.

Dari definisi di atas, terdapat perbezaan yang agak ketara antara *Muayanah* dan *Ilmu Al-Qadhi*. Ini kerana maklumat melalui *Ilmu Al-Qadhi* diperolehi secara spontan oleh hakim sama ada ketika prosiding Mahkamah berjalan atau di luar tugas atau sebelum dilantik menjadi hakim. Berbeza dengan *Muayanah*, maklumat diperolehi hasil siasatannya sendiri seperti melawat tempat kejadian jenayah, pengesahan status asnaf dengan melawat tempat tinggal mereka dan lain-lain. Kesemua maklumat-maklumat tersebut diperolehi ketika prosiding mahkamah sedang berjalan. Hasil siasatan dan tinjauan yang telah dibuat oleh hakim akan dijadikan antara asas bagi menyabitkan atau menafikan sesuatu dakwaan dalam penghakimannya. *Muayanah* bukan sekadar lawatan biasa seseorang hakim, bahkan ia merupakan satu analisis yang dibuat berdasarkan pengalaman dan kepakaran yang dimiliki oleh hakim itu sendiri. Dengan melihat suatu secara langsung sesuatu perkara yang dipertikaikan itu, secara tidak langsung akan meyakinkan hakim dan pihak mahkamah dalam membuat keputusan yang tepat dan adil.

Pensyariaan *Muayanah* berdasarkan maksud umum di antaranya firman Allah SWT dalam surah al-Nisa’ ayat 135. Ayat ini menjelaskan betapa penting berlaku adil dengan apa cara sekalipun, termasuklah penggunaan *Muayanah*. Firman Allah SWT maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu.*

Selain itu Mujahid ada menceritakan mengenai aduan seorang lelaki dari Bani Makhzum kepada Sayidina Umar r.a mengenai Abu Sufian bin Harb telah melakukan kezaliman terhadapnya dengan memindahkan tanda sempadan tanahnya di Makah. Maka Umar r.a berkata: Aku sememangnya benar-benar mengetahui situasi orang di sana, kerana kita pernah bermain-main di tempat tersebut sewaktu kecil. Sayidina Umar r.a memberi jaminan, apabila beliau ke Makah nanti menemui dengan Abu Sufian. Ketika Sayidina Umar r.a sampai ke Makah dan menemui Abu Sufian, lalu beliau menceritakan mengenai aduan lelaki Bani Makhzum. Akhirnya Abu Sufian bin Harb mengambil keputusan mengalihkan batu sempadan dan memindahkan semula ke tempatnya yang asal. Berdasarkan kisah di atas, Sayidina Umar ra datang sendiri ke tempat pertikaian bagi menyelesaikan perselisihan antara dua orang sahabat ini. Tindakan Sayidina Umar ra ini berdasarkan pengetahuannya berkaitan situasi di Makah

termasuklah sempadan tanah yang dipertikaikan itu. Jika *Muayana* tidak disyariatkan, nescaya Sayidina Umar ra tidak akan ke Makah semata-mata untuk melawat tempat yang menjadi pertikaian itu. (al-Jawhar, t.t & Mugni, 1968).

Selain itu tidak terdapat banyak laporan mengenai pelaksanaan *Muayana* di Mahkamah Syariah di Malaysia. Antara kes *Muayana* yang pernah dilaporkan ialah Hakim bicara telah melawat ke lokasi yang didakwa pelakon terkenal Norman Norman Hakim dan Memey berkhawat pada Oktober 2008. Mereka didakwa mengikut Seksyen 29(1)(a) dan Seksyen 29(1)(b) Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda sehingga RM3,000 atau kedua-duanya, jika disabitkan kesalahan. Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur ketika itu Tuan Sallehan Yatim yang diiringi Pendakwa Syarie (Muhammad Nazri Basrawi), Peguam Syarie (Mohd Fakhrul Abu Hassan) dan beberapa pegawai Mahkamah pada jam 3.45 petang. Hakim diberikan penerangan bagaimana tertuduh telah ditangkap, jeriji dikunci dan dibuka dengan pemotong. Tujuan lawatan dibuat adalah bagi Hakim mengetahui dan mendapatkan maklumat yang lebih jelas lokasi pasangan serta situasi tertuduh ketika mereka ditangkap. Hasil tinjauan tersebut, pasangan tersebut telah dilepaskan dan dibebaskan dari tuduhan berkhawat. ([www.mstar.com.my/norman-memey-menangis-bebas-tuduhan-khawat](http://www.mstar.com.my/norman-memey-menangis-bebas-tuduhan-khawat). 7 November 2022). Berdasarkan kes ini, sememangnya *Muayana* juga berperanan dalam menjadi hujah bagi Hakim dalam membuat keputusan.

Namun amalan *Muayana* di Mahkamah Sivil adalah banyak. Antaranya kes Bella yang mana Hakim sendiri datang melawat ke Rumah Bonda. Selain itu kes Datuk Seri Dr. Zahid Hamidi, di waktu itu Hakim datang membuat tinjauan Bungalow di Country Height yang dijadikan pusat Tahfiz. Hakim juga datang melawat di jalan tempat Aminulrasyid lalui sebelum ia ditembak. Terdapat banyak lagi kes-kes yang melibat *Muayana* yang berlaku dilaksanakan di Mahkamah Sivil. Di sini menunjukkan *Muayana* bukanlah suatu yang asing dan ia telah dilaksanakan di bawah prinsip ‘*Khibrah*’.

### **RA’YU AL-KHABIR (FORENSIK DAN QIYAFAH)**

*Al-khibrah* dari segi bahasa merujuk kepada pengetahuan mengenai hakikat sesuatu perkara, penyelidikan, penelitian dan hamparan. Namun, maksud dari segi bahasa yang paling hampir dengan *al-khibrah* ialah pengetahuan mengenai hakikat sesuatu perkara, penyelidikan dan penelitian (Ibn Manzur, 1427; Ibn Faris: 1429, al-Raziy, 1412 & al-Azhariy, 1421). Menurut istilah, para ulama sama ada ulama silam dan kontemporari memberikan beberapa definisi *al-khibrah* yang menunjukkan “pengetahuan dan pengamatan terhadap hakikat sesuatu”. Menurut Ali Iwadh (2002), *al-khibrah* ialah kaedah pembuktian yang digunakan jika perlu untuk mendedahkan bukti atau memperkukuhkan bukti yang sedia ada”.

Terdapat juga ulama yang mengatakan bahawa *al-khibrah* ialah “pengetahuan mengenai sesuatu rahsia yang tersembunyi” (al-Mubarakpuri, t.th). Terdapat pihak yang mengatakan *al-khibrah* pula ialah “pengkhabaran (pemberitahuan) mengenai hakikat sebenar sesuatu yang dipertikaikan atas permintaan hakim” (al-Zuhailiy, Muḥammad, 2008). Menurut Zuhailiy, Wahbah (1997), *al-khibrah*: “Berpegang kepada pandangan pakar untuk mengetahui hakikat sebenar terhadap sesuatu perkara yang menjadi pertikaian atas permintaan hakim”. Hasil daripada definisi-definisi yang

dinyatakan, Mutawalli, Mahmud Aisyh (2003) menyimpulkan bahawa” pendapat pakar atau *al-khibrah*” ialah:

“Kaedah pembuktian yang dilaksanakan secara ilmiah oleh seseorang yang berpengetahuan dan memiliki kepakaran atas permintaan hakim untuk mendapatkan pandangan mereka yang bertujuan membongkar hakikat sebenar sesuatu perkara yang dipertikai serta ia tidak mampu dilaksanakan oleh hakim secara bersendirian”.

Manakala istilah ‘pakar’ (*al-khabir*) ialah: “seseorang yang berpengetahuan mengenai rahsia yang tersirat bagi sesuatu perkara” (al-Mubarakpuri, t.th). Al-Munawi (1356) menyatakan bahawa pakar (*al-khabir*) ialah “seseorang yang mempunyai kepakaran tentang sesuatu perkara yang tersembunyi atau tersirat dan ia tidak mampu dikesan pada pandangan zahirnya”. Maka pendapat pakar merujuk kepada ialah “pendapat yang telah dikemukakan oleh seseorang yang berkeahlian dalam bidang atau permasalahan tertentu” (Bahansi, Ahmad Fathi, 1989). Dalam kes di luar bidang kepakaran, hakim akan meminta bantuan pakar forensik bagi mengenal pasti punca sebenar kematian seseorang yang mayatnya dijumpai bersama kesan tembakan di kepalanya bagi mengenal pasti punca kematian tersebut sama ada diklasifikasikan sebagai bunuh diri atau dibunuh. Maka kes seperti ini tidak mampu diadili oleh hakim melainkan terpaksa meminta bantuan seseorang pakar atau dipanggil sebagai” pakar forensik” (Syinyur, 2005). Menurut Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Seksyen:

*33 (1) Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, maka pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan nasab, ialah qarinah. 33 (2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar.*

Pakar diperlukan bagi melengkapkan maklumat dan memberi panduan kepada mahkamah untuk memahami persoalan-persoalan teknikal supaya ketentuan kes dapat diputuskan. Hakikat ini telah diperakukan oleh hakim dalam kes *Syed Abu Bakar b Ahmad v. PP*, bahawa dalam persoalan yang membabitkan pengetahuan atau pengalaman khusus di luar jangkauan mahkamah, bantuan pakar diperlukan bagi membolehkan mahkamah membuat keputusan yang sewajarnya ([1984] 2MLJ 19,23 & Na’imah Binti Suleiman, 2014).

Antara terminologi yang berkait rapat dengan ‘pakar’ dalam perbincangan ini adalah *al-Qiyafah*. Dalam membicarakan *al-Qiyafah*, ia akan meliputi kaedah beramal dengan trait fizikal manusia yang berasaskan kemiripan untuk menentukan nasab. Contohnya dalam hadis berkaitan dengan hukum *li’an*, disebut juga mengenai kemiripan (*syabah*) yang dapat dikenal pasti dari ciri-ciri fizikal yang disahkan oleh *Qaif*. Dalil yang paling kuat menyokong *al-Qiyafah* sebagai cara penentuan nasab adalah dari hadis dari Sahih Muslim yang diriwayatkan oleh A’ishah r.a.:



...دَخَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ وَهُوَ مَسْرُورٌ، فَقَالَ: " يَا عَائِشَةُ، أَلَمْ تَرَيَّ أَنَّ مُجَرَّرًا الْمُدَلِّجِيَّ  
دَخَلَ عَلَيَّ فَرَأَى أَسَامَةَ بْنَ زَيْدٍ وَزَيْدًا وَعَلَيْهِمَا قَطِيفَةً، قَدْ عَطِيَا رُءُوسَهُمَا وَبَدَتِ أَعْدَامُهُمَا، فَقَالَ: إِنَّ هَذِهِ الْأَعْدَامَ  
بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ "

*Bahawa Rasulullah s.a.w. suatu hari datang menemuiku dengan gembira dan wajah berseri-seri lalu beliau bersabda: Apakah kamu tidak melihat tadi Mujazziz al-Mudlaji memandang Usamah bin Zayd dan Zayd bin Harithah dan kedua mereka berada di bawah selimut, telah tertutup kepala mereka berdua dan terserlah kaki mereka berdua lalu dia berkata: Sesungguhnya sebahagian dari kaki-kaki ini berasal dari sebahagian yang lain (mirip). (Riwayat Muslim: 1459)*

Keadaan Rasulullah s.a.w. yang gembira dengan kedatangan dan pendapat yang diutarakan oleh Mujazziz membawa kepada pengiktirafan *al-Qiyafah* oleh ulama' fiqh sebagai salah satu kaedah pensabitan nasab. Secara majoriti, ulama'-ulama selain dari mazhab Hanafi menerima pandangan ini selagi ianya tidak bertentangan dengan kaedah *al-firasy* dan prosedur melakukan *li'an*. Hal ini adalah kerana tidak dapat dijumpai dalil melarang dari menggunakan *al-Qiyafah* dan juga kegembiraan Rasulullah SAW dari peristiwa Mujazziz dalam kebanyakan hadis sahih. Dalam hal yang demikian pula, ulama' dari mazhab Hanafi tidak mengiktiraf *al-Qiyafah* sebagai metode mensabitkan keturunan kerana ianya mengandungi *dhan*. Namun, Imam al-Qarrafi dalam kitabnya *al-Furuq* menyifatkan bahawa hadis-hadis seperti berkaitan 'percampuran mani lelaki dan perempuan mewujudkan *syabah* (kemiripan-trait fizikal), serta 'hadis-hadis berkaitan *li'an* yang disertakan bersama ciri fizikal anak yang akan lahir' adalah menunjukkan keabsahan *al-Qiyafah* sebagai metode penentuan nasab. Jelas dari huraian ringkas ini, majoriti ulama' selain dari mazhab Hanafi menerima *al-Qiyafah* sebagai salah satu daripada metode penasaban anak secara tidak langsung mengiktiraf kepakaran sebagai salah satu kaedah dalam membuat keputusan.

*Al-qiyāfah* secara literal bermaksud 'menjejak' atau 'menjejaki' (al-Ṭabarī, 2000; Ibn Manzūr, 1994) yang dalam bahasa Arab klasik dipercayai digunakan dalam dua situasi; sama ada haiwan atau manusia di darat atau tanah biasanya dalam pencuci mulut (*qiyāfat al-āthār*), dan pemeriksaan atau analisis ke atas tubuh manusia untuk menemui sifat dan ciri-ciri pewarisan (*qiyāfat al-bashar*) (al-Zuhayli, 1998). *Al-qā'if* ialah orang yang mempunyai kemampuan, kemahiran, ilmu, dan amanah untuk mengamalkan *al-qiyāfah*. Dilaporkan bahawa dalam beberapa kitab klasik, orang-orang yang direkodkan sebagai *al-qā'if* tidak berasal dari mana-mana kaum tertentu. Ini bermakna sesiapa sahaja yang telah memenuhi syarat untuk menjadi *al-qā'if* boleh mengamalkan ilmu itu secara bebas. Peranan dan profesion mereka boleh disifatkan sama seperti peranan pakar forensik dan saintis pada masa kini (Shabana, 2012). Mujazziz al-Mudlaji yang berasal dari bani Mudlij, Umar bin al-Khattāb, al-Khattāb bin Nufayl, Abu 'Ubaydah al-Jarrāh, dan Asad adalah antara *qā'if* yang terkenal pada zaman sebelum Islam dan Islam (Baharuddin, A. S., 2017).

Maka konsep kepakaran in boleh diadaptasi kepada pengiktirafan terhadap pakar forensik pada zaman kini, bahkan pakar forensik pada zaman kini lebih terkedepan kerana dibantu dengan teknologi dan kemajuan yang semakin canggih. Dua aspek utama yang perlu dinilai untuk menentukan kepakaran seseorang ahli forensik, iaitu pengetahuan yang mendalam terhadap suatu perkara yang tertentu dan pengalaman yang lama dalam bidang tersebut (McCarthy Wilcox & NicDaeid, 2018). Begitu juga

terdapat kriteria khusus yang perlu dititikberatkan dalam menerima keterangan pakar forensik. Tinjauan terhadap kes-kes yang dilaporkan dalam jurnal-jurnal perundangan Malaysia telah menunjukkan beberapa percubaan membawa masuk bukti forensik ke dalam perbicaraan. Selain itu, terdapat paling kurang 24 laporan kes yang berkaitan dengan bukti forensik dan pendapat pakar daripada tiga buah jurnal utama undang-undang Malaysia: Jurnal Hukum (JH) (terbitan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia), Shariah Law Reports (ShLR) (terbitan Malayan Law Journal Sdn Bhd), dan Legal Network Series (LNS) (diterbitkan oleh CLJ Malaysia Sdn Bhd).

Terdapat kes yang menerima bukti forensik dan pendapat pakar dan ada juga kes yang menolaknya. Berikut adalah senarai 24 kes yang berkaitan dengan pendapat pakar dan/atau bukti forensik (Baharuddin A. S. dan Ahmad M. H., 2022):

1. *AHMG v. AGMG & Ors* [2019] 3 ShLR 1, kes no. 10000-044-0063-2016 (Mahkamah Rayuan Syariah, Shah Alam).
2. *Ainun bt Abd Majid v. Mohamad Adam bin Bakar* [2008] 4 ShLR 141, kes no. 10005-014-229-2004 (Mahkamah Rendah Syariah, Kajang).
3. *Hisham Halim v. Maya Ahmad Fuaad* [2018] 3 LNS 15, kes no. 14006-058-0043-2017 (Mahkamah Rendah Syariah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).
4. *Indastri bin Saion v. Sharifalaili bt Hussin @ Mukhtar* [2018] 2 ShLR 70, kes no. 10003-058-1484-2013 (Mahkamah Rendah Syariah, Klang).
5. *Jimmy Shanley bin Norjahan Saleh lwn. Nursuhaila Eliani binti Suhaimy* [2018] 47(1) JH 77, kes no. 10300-036-0236-2013 (Mahkamah Tinggi Syariah, Shah Alam).
6. *Kerajaan Negeri Terengganu lwn. YAM Tengku Ibrahim bin Sultan Ismail Nasiruddin Shah* [2004] 18(1) JH 65, kes no. 040(2)-6/2003 (Mahkamah Rayuan Syariah, Terengganu).
7. *Khalid bin Abdul Samad v. Ketua Pendakwa Syarie Selangor* [2018] 2 ShLR 47, kes no. 10500-137-0007-2017 (Mahkamah Tinggi Syariah, Shah Alam).
8. *Marlia Akmar bt Ramli v. Ramli bin Abdul Rashid* [2008] 3 ShLR 128, kes no. 10005-052-0747-2005 (Mahkamah Rendah Syariah, Hulu Langat).
9. *Mohd Zulhaini Uzir v. Fadzlina Mohd Fadzil* [2012] 1 CLJ (Sya) 368, kes no. 07500-077-0001-2012 & 07500-054-0002-2012 (Mahkamah Tinggi Syariah, Pulau Pinang).
10. *Mustafa Batcha lwn. Habeba Abd. Rahman* [1992] 8(1) JH 41; [2004] 1 CLJ (Sya) 152, kes no. 7/90 (Mahkamah Rayuan Syariah, Negeri Sembilan).
11. *Nor Faizah bt Abdul Samad v. Abu Bakar bin Abdul Ghaffar* [2010] 1 ShLR 132, kes no. 10003-055-14-2002 (Mahkamah Rendah Syariah, Klang).
12. *Nurhisam Johari lwn. Shamliza Shafie* [2017] 3 LNS 37, kes no. 11008-054-0683-2015 (Mahkamah Rendah Syariah, Marang).
13. *Nurul Huda bt Ismail v. Nurrizal bin Ahmad Imran* [2009] 1 ShLR 108, kes no. 10008-014-0052-2005 (Mahkamah Rendah Syariah, Hulu Selangor).
14. *Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn. Rosli bin Abdul Japar* [2007] 23(2) JH 237; [2007] 1 CLJ (Sya) 496, kes no. 8-3/95-7(7)-2001 (Mahkamah Tinggi Syariah, Keningau).
15. *Pendakwa Syarie Negeri Selangor v. Khalid bin Abdul Samad* [2019] 3 ShLR 39, kes no. 10003-137-0105-2013 (Mahkamah Rendah Syariah, Klang).
16. *Ramli bin Abdul Rahman lwn Marlia Akmar binti Ramli* [2010] 30(2) JH 199, kes no. 10000-052-0001-2008 (Mahkamah Rayuan Syariah, Shah Alam).

17. *Re Tamrin bin Tanni* [2016] 43(1) JH 25, kes no. 12000-003-004-2012 (Mahkamah Rayuan Syariah, Sabah).
18. *Salim lwn. Masiah* [1982] 3 LNS 13, kes no. 1/75 (Mahkamah Rayuan Syariah, Terengganu).
19. *Shahnaz bt Majid v. Dato' Sri Mahmud Abu Bekir Taib* [2018] 3 ShLR 15, kes no. 14100-016-0107-2011 (Mahkamah Tinggi Syariah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).
20. *Sharimah Muhamad lwn. Ahmad Burhanuddin Abdullah* [2007] 23(2) JH 263, kes no. 03000-055-0003-2006 (Mahkamah Rayuan Syariah, Kota Bharu).
21. *Suraiya bt M. Shafie lwn Abd Shukor Bin Mohd Hashim* [2009] 27(2) JH 331, kes no. 05100-016-0489-2006 (Mahkamah Tinggi Syariah, Seremban).
22. *Tunku Noor Hayati bt Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra & Ors v. Tunku Khadijah bt Tunku Abdul Rahman Putra (administrator for the estate of Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra) & Anor* [2016] 2 ShLR 112, kes no. 24-642-06-2014 (Mahkamah Tinggi Malaya, Shah Alam).
23. *Zakaria @ Supar bin Ali v. Haznah @ Maznah bt Embong* [2011] 2 ShLR 12, kes no. 11300-0003-0021-2009 (Syariah High Court, Kuala Terengganu).
24. *ZZ v. NA* [2019] 1 ShLR 57, kes no. 10500-006-0013-2016 (Syariah High Court, Shah Alam).

Pada 21 Disember 2020, pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah bersetuju dan mengesahkan sebuah Arahan Amalan berjudul —Arahan Amalan No. 4 Tahun 2020 – Pengemukakan Bukti Forensik Dalam Prosiding di Mahkamah Syariah. Penguatkuasaan Arahan Amalan ini secara langsung mengiktiraf bukti forensik sebagai salah satu pembuktian yang sah untuk digunakan di Mahkamah Syariah. Akan tetapi, Arahan Amalan ini sekadar memberikan kenyataan, tanpa disertakan penghuraian berkenaan amalan dan prosedur yang perlu dipatuhi dalam menggunakan bukti forensik di Mahkamah Syariah. Berbeza jika dibandingkan dengan Arahan Amalan terdahulu yang disertakan dengan huraian dan prosedur pematuhan.

## PENUTUP

Hasil daripada perbincangan sebelum ini menunjukkan ‘Kepakaran (*khibrah*)’ juga merupakan sebagai elemen signifikan/behena dalam undang-undang keterangan Islam. Konsep kepakaran ini meliputi kepakaran yang terdapat pada hakim yang mengendalikan kes itu sendiri. Selain itu, kepakaran juga merangkumi kepakaran yang terdapat pada pihak lain bagi merungkaikan misteri di sebalik kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah seperti *qa'if*, pakar forensik dan lain-lain. Maka berdasarkan definisi keterangan (*bayinah*) yang telah dikemukakan para ulama kontemporari seperti Ibn Qayyim, Ibn Farhun dan lain, menunjukkan kaedah-kaedah pembuktian tidak hanya menghadkan kepada kaedah-kaedah tentu semata-mata. Sebaliknya mana-mana kaedah pembuktian yang diiktiraf syarak dan ia dapat membantu hakim menegakkan keadilan serta membasmi kezaliman seperti kaedah pembuktian melalui ‘Kepakaran (*Khibrah*)’ juga boleh diterima pakai di Mahkamah.

## RUJUKAN

Al-Bahiy, Muhammad Abd al-Mun'im. (1965). *Min Turuq al-Ithbat fi al-Syariah wa fi al-Qanun*. Beirut: Dar al-Fikr al-'Arabiy.

- Al-Baihaqiy, Ahmad bin al-Hussain bin Ali. (1999). *Al-Sunan al-Kubra*. Beirut Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ali ibn Uthman ibn Ibrahim ibn Mustafa. (T.t.) al-Jawhar al-Naqi ‘ala Sunan al-Baihaqiy. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Mubarakpuri, Abdul Rahman ibn Abdul Rahim. (T.th.). *Tuhfah al-Ahwaziyy bi Syarh Jami al-Tarmizi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Munawai, Abdul Ra’uf ibn Tajuddin. (1356h). *Faidh al-Qadir Syarh al-Jami’ al-Soghir*. Al-Qaherah: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Nasyar, Muhammad Fathullah. (2000). *Ahkam wa Qawa’id Ib’u al-Ithbat: fi al-Fiqh wa Qanun al-Ithbat Tabaqan li Ahdathi Ahkam Mahkamah Naqdh*. Qaherah: Dar al-Jami’ah al-Jadidah al-Iskandariyyah.
- Al-Raziy, Fakhr al-Din bin al-Allamah Diya’ al-Din (1412h). *Tafsir al-Fakhr al-Raziy*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Ṭabarī, Muhammad bin Jarir. (2000). *Jāmi’ al-Bayān fī ta’wīl al-Qur’an*. Egypt: Muassasah al-Risālah.
- Al-Zarqa’, Mustafa. (1968). *Al-Madkhal al-Fiqhi al-Am*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhailiyy, Muḥammad, (1994). *Wasa’il al-Ithbat fī al-Syari’ah al-Islamiyyah wa Mu’amalat al-Madaniyyah wa al-Ahwal al-Syakhsyyah*. Riyadh: Maktabah al-Mu’ayyad.
- Al-Zuhailiyy, Muhammad, (2008). *Fiqh al-Qadha’ wa al-Da’wa wa al-Ithbat*. Al-Syariqah: Jami’ah al-Syariqah.
- Al-Zuhailiyy, Wahbah. (1994). *Usul al-Mahkamah al-Syariyyah wa al-Madaniyyah*. Damsiyq: Mansyurat Jami’ah Dimasyq.
- Al-Zuhailiyy, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsiyq: Dar al-Fikr al-Mu’asir.
- Bahansi, Ahmad Fathi. (1989). *Nazariyyat al-Iyhat fī al-Fiqh al-Jinaiyy al-Islamiyy*. Al-Qaherah: Dar al-Syuruq.
- Baharuddin, A. S., & Ahmad, M. H. (2022). *Modul Fiqh Forensik: Pengenalan*.
- Baharuddin, Ahmad Syukran. (2017). *Di Sebalik Fiqah Forensik*. Telaga Biru Publications Sdn. Bhd.
- Ibn Abidin, Muhammad Amiin. (1386h). Hasyiah Ibn Abidin. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Farhun, Muhammad bin Farhun al-Ya’mari al-Malikiy. (1995). *Tabsirah al-Hukam fī Usul al-Uqdiyyah wa Manahij al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Manzūr, al-Afrīqī. (1994). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār al-Ṣadr.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukram ibn Manzur al-Misriy. (1968/1388h). *Lisan al-‘Arab*. Beirut: al-Maktabah al-Markaziyyah.
- Ibn Qayyim, , Syamsuddin Abi Abdillah Muaammad ibn Abi Bakr ibn Ayyub. (1991). *A’lam al-Muaqi’in an Rabb al-‘Alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al- ‘Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim, Syamsuddin Abi Abdillah Muaammad ibn Abi Bakr ibn Ayyub. (2007). *Al-Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siyasah al-Syar’iyyah*. Makkah: Dar ‘Am al-Fawa’id.
- Ibn Qudamah. (1996). *Al-Mughni*. al-Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad bin Tamiyyah al-Harraniy. (1998). *Majmu’ah al-Fatawa li ibn Taimiyyah*. Riyadh: Maktabah al-Abikan.
- McCarthy Wilcox, A., & NicDaeid, N. (2018). *Jurors’ perceptions of forensic science expert witnesses: Experience, qualifications, testimony style and credibility*. *Forensic science international*, 291, 100-108. doi:<https://doi.org/10.1016/j.forsciint.2018.07.030>

- Mutawalli, Mahmud Aisyh. (2003). *Damanat fi al-Qada' al-Islam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Nasya'at, Ahmad. (1972). *Risalah al-Ithbat*. Beirut: Dar al-Fikral-Arabiyy.
- Sadiq bin Hassan Khan al-Qanuji al-Bukhari (2001). *Zahfru al-Ladhi Bima Yujibu fi al-Qada' ala al-Qadi*. Beirut: Ibn Hazm.
- Shabana, Ayman. (2012). *Paternity between Law and Biology: The Reconstruction of the Islamic Law of Paternity in the Wake of DNA Testing*. *Zygon*, 47(1), 214-239.
- Syinyur, Abd Nasir Muhammad. (2005). *al-Itbat bi al-Khibrah bain al-Qadha' al-Islamiyy wa al-Qanun al-Dawli wa Tadbiqaha al-Mu'asirah: Dirasah al-Muqaranah*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- W.A.Fattah W.I., A.Syukran B. & Aspalila A., (2021). *Pendapat Pakar Pergigian (Forensik Odontologi) Menurut Undang-Undang Keterangan Islam*. USIM: Penerbitan USIM.
- Yusri Syed Ahmad. (2000). *Jami' al-Fiqh*. Al-Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Zaydan, Abd Karim. (1997). *Nizam al-Qada' fii al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.